

Bahagian Sekolah-Sekolah,
Kementerian Pelajaran Malaysia,
Tingkat 12-14, Bangunan Bank Pertanian,
Leboh Pasar Besar,
Kuala Lumpur.

Telefon 22922066
Kawat 'PELAJARAN'

KP(BS) 8591/Jld. III/(41)

15hb. Januari, 1986

Semua Pengarah Pelajaran Negeri,
Malaysia.

Y.B. Dato'/Tuan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 2/1986

**Rekod Kedatangan dan
Laporan Gerak Kerja Kokurikulum Pelajar**

Tujuan surat pekeliling ini adalah untuk memberitahu pihak sekolah, Kementerian Pelajaran telah memutuskan bahawa **gerak kerja kokurikulum akan diambil kira dalam pemilihan pelajar-pelajar ke Tingkatan Enam dan ke Maktab-maktab Perguruan.**

2. Oleh yang demikian, pihak sekolah adalah diminta mengambil tindakan berikut:
 - 2.1 Mulai tahun 1986, merekod kedatangan setiap orang pelajar Sekolah Menengah dalam gerak kerja kokurikulum yang disertai seperti contoh yang diberikan dalam Lampiran 1.
 - 2.2 Menyedia dan melengkapkan laporan gerak kerja kokurikulum pelajar seperti contoh yang diberikan dalam lampiran 2, bagi pelajar-pelajar yang tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Pelajaran Vokasional (SPVM) 1985.

Untuk pelajar-pelajar yang tamat SPM/SPVM 1986 dan seterusnya, satu format laporan gerak kerja Kokurikulum pelajar akan dihantar kemudian.

3 Adalah diharap Y.B. Dato'/Tuan memaklumkan surat pekeliling ini kepada semua sekolah.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(HAJI JUMAAT BIN DATO' HAJI MOHD NOOR),
Bahagian Sekolah-Sekolah,

b.p. Ketua Setiausaha,
Kementerian Pelajaran.

- s.k.
1. Setiausaha Sulit Kanan Kepada Y.B. Menteri Pelajaran.
 2. Setiausaha Sulit Kepada Y.B. Encik Bujang Haji Ulis Timbalan Menteri Pelajaran.
 3. Setiausaha Sulit Kepada Y.B. Encik Ng Cheng Kiat Timbalan Menteri Pelajaran.
 4. Ketua Setiausaha, Kementerian Pelajaran.
 5. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia.
 6. Timbalan Ketua Setiausaha I, Kementerian Pelajaran.
 7. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran I, Kementerian Pelajaran.
 8. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran II, Kementerian Pelajaran.
 9. Timbalan Ketua Setiausaha II, Kementerian Pelajaran.
 10. Ketua-ketua Bahagian, Kementerian Pelajaran.
 11. Ketua Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan.
 12. Pegawai Perhubungan Awam, Kementerian Pelajaran,